

## EKONOMI

NUS Enterprise dan raiSE, Pusat Perusahaan Sosial Singapura, mengumumkan komitmen bersama sebanyak \$3.5 juta pada akhir Julai di bawah program pencepat 'Technology For Sustainable Social Impact' (TS2), yang telah memanfaatkan tujuh syarikat pemula, termasuk Tech Up Advance dan MADCash. Kedua-dua syarikat itu diusahakan oleh wanita yang berkecimpung dalam dunia teknologi.



SHIQIN RAMADAN  
shiqinr@sph.com.sg

# Impak 2 usahatekwan wanita dalam dunia teknologi

### Teknologi robotik bantu guru pupuk minat Stem pada pelajar

### Bantu usahawan wanita jana aliran tunai, capai kebebasan kewangan



Pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tech Up Advance Cik Ainaa Rosli (tengah) bersama pengasas bersama dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Cik Sulfa Lim (kanan) dan penasihat teknikal dan pengasas bersama Encik Lok Kai Fah (kiri) memulakan syarikat yang mencipta perisian 'robotic gamified simulator' atau perisian robotik dengan elemen permainan. — Foto NUS ENTERPRISE

Seorang usahawan yang minat dalam pengajian sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (Stem), Cik Ainaa Rosli, memutuskan untuk menggabungkan minatnya dalam bidang pendidikan dan usahawanan, meskipun beliau berpengalaman dalam jurusan perbankan.

Cik Ainaa, 37 tahun, melihat terdapatnya jurang di dalam ruang pendidikan dan kaitannya dengan apa yang dipelajari oleh pelajar di dalam bilik darjah.

Justeru, beliau memulakan Tech Up Advance, syarikat yang mencipta perisian 'robotic gamified simulator' atau perisian robotik yang menambah elemen permainan berasaskan web yang dipanggil Go Tech Up.

La membolehkan pendidik sentiasa mengikuti perkembangan terkini dan memupuk keyakinan dalam menyepadukan teknologi baru ke dalam bilik darjah mereka.

Ia juga dapat memastikan pelajar kekal terlibat dan mengembangkan minat asas mereka dalam bidang pengajian Stem.

Cik Ainaa, pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tech Up Advance berkongsi dengan *Berita Harian* (BH) misi syarikatnya ialah untuk memudahkan cabaran rumit dalam persekitaran maya terutamanya dengan mengalihkan pendidikan berasaskan buku tradisional kepada penyelesaian digital.

Namun, beliau mengalami kesukaran untuk mengembangkan syarikat pemulanya tanpa mendapatkan pembiayaan.

Justeru, Cik Ainaa mula mencari program pencepat (accelerator program) yang berkait dengan perusahaan sosial kerana beliau ingin bekerjasama dengan mereka yang percaya bahawa pendidikan dapat membangunkan masyarakat.

Oleh itu, beliau mengambil bahagian dalam program pencepat 'Technology For Sustainable Social Impact' (TS2) di bawah NUS Enterprise, cabang keusahawanan Universiti Nasional Singapura (NUS), untuk mendapatkan rangkaian perusahaan sosial

“ Apa yang saya perhatikan ialah apabila saya menjalankan perisian Go Tech Up di Glyph Community, ia digunakan

untuk menarik semula perhatian pelajar agar mereka lebih terlibat dalam bilik darjah, dan bukannya untuk memudahkan pengajaran mata pelajaran seperti matematik atau sains.

— Cik Ainaa Rosli, pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tech Up Advance.

dan sokongan daripada pembimbing berpengalaman.

Beliau memerhatikan bahawa apa yang pelajar alami di dunia nyata sebenarnya jauh daripada apa yang mereka pelajari di dalam bilik darjah.

“Apabila ianya berlaku, pelajar mungkin tidak melihat sebab untuk berada di dalam bilik darjah lagi. Di situlah kita mula melihat ramai pelajar yang hilang minat untuk terus belajar dalam bidang Stem,” katanya.

Perisian ini juga digunakan oleh Glyph Community, Institusi Bertaraf Awam (IPC) yang menyokong kanak-kanak kurang bernasib baik berumur lima hingga 12 tahun dengan mendedahkan mereka kepada program pengayaan yang biasanya sukar diakses oleh mereka.

“Apa yang saya perhatikan ialah apabila saya menjalankan perisian Go Tech Up di Glyph Community, ia digunakan untuk menarik semula perhatian pelajar agar mereka lebih terlibat dalam bilik darjah, dan bukannya untuk memudahkan pengajaran mata pelajaran seperti matema-

tik atau sains.

“Adakalanya pelajar daripada keluarga yang kurang bernasib baik ini mungkin bertanya mengapa mereka perlu berada di dalam bilik darjah serta bagaimana ia dapat membantu diri mereka.

“Namun dengan permainan robotik kami, mereka dapat mengurangkan perasaan terasing dan dapat mengaitkan apa yang dipelajari dalam bilik darjah dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka,” kata Cik Ainaa.

NUS dan raiSE, pada akhir Julai, mengumumkan ia akan memberi \$3.5 juta untuk menyokong syarikat permulaan perusahaan sosial beragaskan teknologi di Singapura.

Kohort sulung tujuh syarikat pemula dengan inovasi yang menentang kesan manusia akan menerima pembiayaan sebanyak \$95,000, setiap satu.

NUS Enterprise juga memperkenankan ruang khusus untuk usaha yang didorong oleh tujuan iaitu BLOCK71 Social Impact Hub.

Cik Nuraizah Shamsul Baharin mempunyai visi untuk membantu wanita seluruh dunia mengatasi masalah perniagaan dan kewangan mereka melalui pembiayaan mikro.

Di kemuncak pandemik Covid-19, beliau perhatikan perniagaan kecil yang dimiliki oleh usahawan wanita bergelut untuk memajukan bisnes mereka, sama ada disebabkan oleh tidak cukup dana atau kurang pengetahuan dalam mengembangkan perniagaan mereka.

“Kami ingin mencari cara mengisi jurang antara celik perniagaan, pemahaman dan bimbingan, yang dapat menyokong ekosistem perniagaan dan kewangan,” kata Cik Nuraizah, pengasas syarikat teknologi kewangan MADCash, kepada *Berita Harian* (BH).

Beliau mendapati usahawan wanita secara umum memerlukan sokongan dan bantuan untuk mengharungi masa-masa sukar.

Untuk bantu memupuk usahawan wanita meraih untung, dan memberi akses kewangan kepada usahawan wanita yang mungkin mempunyai perniagaan yang berada di senarai hitam atau skor kredit yang rendah, beliau memulakan operasi MADCash secara rasmi pada September 2022.

“Usahawan wanita sebenarnya tidak mencari penyelesaian besar.

“Namun kami sangat terperinci dengan proses pilihan kami kerana kami tidak mahu usahawan yang hanya ingin mendapatkan geran atau pinjaman.

“Kami ingin usahawan yang benar-benar ingin mengembangkan perniagaan kerana masa dan slot tersedia dalam program kami terhad,” kongsi Cik Nuraizah mengenai proses memilih usahawan yang sesuai untuk dibantu.

Dengan bantuan Ketua Produk MADCash, Encik JP Valdes, yang berpusat di Singapura, Cik Nuraizah dapat mengembangkan jangkauan MADCash daripada Malaysia ke Singapura.

Beliau juga berpeluang mengambil bahagian dalam program pencepat (accelerator program) 'Technology For Sustainable Social Impact' (TS2) di bawah NUS Enterprise, cabang keusahawanan Universiti Nasional Singapura (NUS), pada Julai.

Melalui TS2, Cik Nuraizah diperkenalkan kepada rangkaian pembimbing atau mentor, pelabur dan karyawan industri lain yang menggunakan model perusahaan sosial yang serupa dengannya.

“Salah satu perkara yang telah dilakukan oleh NUS ialah dengan menyokong pengenalan rangkaian.

“Kami ada mentor yang telah ditetapkan sepanjang program itu berlangsung dan saya belajar bagaimana melakukan pengurusan pelabur.

“Saya dapati antara cara untuk memasuki pasaran negara ialah dengan mencari program pencepat tempatan yang ditawarkan,” kongsi beliau.

NUS Enterprise dan raiSE, Pusat Perusahaan Sosial Singapura, mengumumkan komitmen bersama sebanyak \$3.5 juta pada akhir Julai untuk mengembangkan syarikat pemula perusahaan sosial berasaskan teknologi di bawah TS2.

Sebabnya tujuh syarikat pemula telah memanfaatkannya, termasuk MADCash.

MADCash dapat membantu usahawan memahami bagaimana mereka meraih keuntungan, cara



Pengasas syarikat teknologi kewangan MADCash, Cik Nuraizah Shamsul Baharin, ingin bantu usahawan meraih kebebasan menjana indeks aliran tunai untuk menarik pelaburan, atau 'bankability index', dalam masa dua tahun. — Foto NUS ENTERPRISE

“ Selain penggunaan aplikasi mudah alih untuk menjejak pencapaian, kami juga mempunyai rakan

kongsi yang menaja program kami. Benefisiari dapat ikut serta tanpa sebarang kos. Apa yang mereka perlu lakukan hanyalah meluangkan masa untuk mengembangkan perniagaan mereka.

— Cik Nuraizah, pengasas syarikat teknologi kewangan MADCash.

mereka membelanjakan wang, dan di mana terdapat jurang serta apa yang boleh dilakukan untuk merapatkan jurang itu.

Dalam pada itu, pembimbing kerjaya dan pembimbing rakan sebaya juga akan diperkenalkan untuk membantu usahawan wanita yang biasanya bekerja sendiri atau menjalani perniagaan mereka dari rumah dalam skala kecil.

Dengan menjejaki kemajuan perniagaan, ia akan bantu memenuhi matlamat MADCash.

“MADCash berhasrat memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus bahagian pasaran di lima negara — Ma-

aysia, Singapura, Indonesia, Tajikistan dan Bangladesh dan membantu sejuta wanita menjelang 2026.

“Selain penggunaan aplikasi mudah alih untuk menjejak pencapaian, kami juga mempunyai rakan kongsi yang menaja program kami.

“Benefisiari dapat ikut serta tanpa sebarang kos. Apa yang mereka perlu lakukan hanyalah meluangkan masa untuk mengembangkan perniagaan mereka,” kata Cik Nuraizah yang ingin bantu usahawan meraih kebebasan menjana indeks aliran tunai untuk menarik pelaburan, atau *bankability index*, dalam masa dua tahun.